

# FINAS tetap biayai filem kenegaraan

**Bandar Baru Nilai:** Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) akan tetap membiayai penerbitan filem bercorak kenegaraan pada masa depan walaupun filem demikian menerima sambutan hambar.

Ketua Pengarahnya, Raja Rozaimie Raja Dalnish Shah, berkata keadaan itu sebenarnya bukan hanya membabitkan filem kenegaraan, malah filem komersial menerima nasib sama kebelakangan ini apabila kutipan tiket merosot.

## Jumlah rendah

Katanya, filem *Tanda Putera* meraih kutipan RM557,488.35 selepas lapan hari tayangan dan jumlah itu amat rendah, berbanding kos pembuatan sebanyak RM4.7 juta.

“Kalau hendak cerita mengenai kemosotan, memang perkara ini berlaku. Dua atau tiga tahun lalu, orang kata kutipan tiket naik mendadak. Bagaimanapun, kadang-kadang dua atau tiga tahun selepas itu akan turun dan kemudian mungkin meningkat semula,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis penyerahan cek Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM) ke-10 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, semalam. Yang turut hadir, Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr Asma Ismail dan Penasihat Bersama Jawatankuasa FFVPM, Profesor Dr Zulkiple Abd Ghani.